

UMS, KTSP meterai MoA perkukuh kerjasama penyelidikan perhutanan

NST 11·7·2018 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin memeterai memorandum perjanjian (MoA) dengan KTS Plantation (KTSP) Sdn Bhd bagi perkukuh kerjasama untuk melaksanakan penyelidikan saintifik dalam bidang perhutanan.

MoA itu ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor UMS (Akademik dan Antara-bangsa) Prof Dr Rasid Mail bagi pihak universiti, dan Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat KTS Datuk Vincent Lau Lee Ming, disaksikan Timbalan Ketua Konservator Hutan (Penyelidikan) Jabatan Perhutanan

Sabah (JPS) Robert Ong.

Kerjasama penyelidikan melibatkan Fakulti Sains dan Sumber Alam UMS itu meliputi tiga objektif utama iaitu populasi hidupan liar; pengurusan silvikultur; dan potensi pelancongan alam semula jadi di kawasan KTSP.

Naib Canselor UMS Datuk Dr D Kamarudin D Mudin, dalam ucapannya yang dibacakan Rasid berkata, kemudahan kompleks sains dan perhutanan di fakulti terbabit akan dapat membantu KTSP serta JPS dalam mencapai matlamat penyelidikan ke arah meningkatkan amalan pengurusan hutan lestari bagi pemuliharaan hutan di Sabah

pada masa akan datang.

“Saya berharap majlis menandatangani MoA ini akan menjadi input yang membantu cabaran strategik dalam meningkatkan pengurusan hutan lestari melalui sains dan penyelidikan,” katanya.

Sementara itu, Vincent berkata kerjasama itu tidak hanya menjadi platform bagi KTSP memperkenalkan kekayaan yang terdapat di Hutan Simpan Segaliud Lokan tetapi juga berupaya memberi manfaat kepada pelajar UMS khususnya dalam bidang penyelidikan, penghasilan tesis dan latihan industri. - Bernama